



**PANDUAN PERMOHONAN TAJAAN/PINJAMAN PELAJARAN
DI TATI UNIVERSITY COLLEGE**



PENAJAAN BERDASARKAN PROGRAM DI TATIUC TAHUN 2012/2013

| | | | | | | |
|--|--------------|-------------|-------------|------------|-------------|------------|
| Faculty of Manufacturing Engineering Technology | PTPTN | MARA | YTRG | YBR | BTAR | PNS |
| Bachelor in Manufacturing Eng. Tech (Tooling) | o | o | o | o | o | o |
| Bachelor of Manufacturing Eng. Tech (Production Management)* | | | | | | |
| Diploma in Manufacturing Eng. (Tool & Die Making) | o | o | o | | | o |
| Diploma in Manufacturing Eng. (Tool & Die Design) | o | o | o | | | o |
| | | | | | | |
| Faculty of Electrical and Automation Engineering Technology | PTPTN | MARA | YTRG | YBR | BTAR | PNS |
| Bachelor in Electrical Engineering Technology (Mechatronic) | o | | o | o | o | o |
| Bachelor of Engineering Technology Electrical* | | | | | | |
| Diploma in Engineering Technology (Electrical)* | | | | | | |
| Diploma in Industrial Automation (Mechatronic) | o | o | o | | | o |
| Diploma in Industrial Automation Engineering (EI) | o | o | o | | | o |
| Diploma in Industrial Automation (Computer Intergrated System) | o | o | o | | | o |
| Diploma in NDT | o | o | o | | | o |
| | | | | | | |
| Faculty of Chemical Engineering Technology | PTPTN | MARA | YTRG | YBR | BTAR | PNS |
| Bachelor of Chemical Engineering Technology | o | | o | o | o | o |
| Bachelor of Polymer Engineering Technology | o | | o | o | o | o |
| Diploma in Chemical Engineering Technology | o | o | o | | | o |
| Diploma in Polymer Engineering Technology | o | o | o | | | o |
| | | | | | | |
| Faculty of Computer Media and Technology Management | PTPTN | MARA | YTRG | YBR | BTAR | PNS |
| Bachelor in Computer Science with Business Management | o | | o | o | o | o |
| Bachelor of Computer Science (Computer Network & Security) | o | | o | o | o | o |
| Bachelor of Computer Science* | | | | | | |
| Diploma in Information Technology* | | | | | | |
| Diploma in Computer Networking | o | o | o | | | o |
| Diploma in Graphic Design and Media Studies | | | o | | | o |
| Diploma in Technology Management (Accounting) | o | o | o | | | o |
| Diploma in Technology Management (Entrepreneurship) | o | o | o | | | o |
| | | | | | | |
| Centre of General Study & Foundation | PTPTN | MARA | YTRG | YBR | BTAR | PNS |
| Foundation in Engineering | | | o | | | |
| Foundation in Information Technology | | | o | | | |
| Foundation Science | | | o | | | |

** tertakluk kepada kelulusan badan penaja*

Note

- PTPTN - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
- MARA - Majlis Amanah Rakyat
- YTRG - Yayasan Terengganu
- YBR - Yayasan Bank Rakyat
- BTR - Biasiswa Tunku Abdul Rahman
- PNS - Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor

SYARAT DAN PANDUAN MEMOHON PINJAMAN PELAJARAN

PENAJA UTAMA :

PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pelajar layak memohon pinjaman pendidikan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Mempunyai **akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)**;
3. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
4. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran; termasuk **BM** dan **Matematik**.
5. Bagi peringkat Ijazah, pemohon mesti mencapai sekurang-kurangnya CPA 2.50.
6. Mendaftar di TATI University College (TATIUC) sebagai pelajar sepenuh masa.
7. Semua pelajar hendaklah mempunyai kelayakan masuk yang disyaratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengikuti kursus berkaitan.
8. Baki tempoh pengajian semasa permohonan dibuat tidak kurang dari satu tahun;
9. Mempunyai **akaun CIMB (konvensional)**;

KAEDAH PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui **aplikasi dalam talian (On-line)** di laman webmail **www.ptptn.gov.my** dengan menggunakan **no. pin** yang boleh didapati di kaunter **Bank Simpanan Nasional (BSN)** dengan harga **RM 5.00**.
- Slip pengesahan permohonan mestilah dihantar ke Jabatan HEPA bersama Sijil SPM (salinan transkrip keputusan peperiksaan SPM hanya diterima jika tidak melebihi tempoh **DUA TAHUN** dari tahun peperiksaan kepada tahun pinjaman PTPTN dibuat.

KADAR TAJAAN

| | | |
|---------|---|-------------------|
| Degree | – | RM16,500.00/Tahun |
| Diploma | - | RM 8,000.00/Tahun |

PINJAMAN MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**SYARAT-SYARAT AM**

1. Melayu/Bumiputera Warganegara Malaysia
2. Tidak Pernah ditamatkan bantuan atau ditarik balik bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin.
3. Tidak pernah dianjurkan oleh mana-mana penaja lain diperingkat yang sama kecuali untuk kursus-kursus kritikal & Profesional atas keperluan.
4. Mendapat pelepasan jawatan atau kebenaran bertulis daripada majikan bagi calon yang dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya bagi tempoh pengajian jika ada ikatan dengan pihak penaja sebelum.
5. Had umur bagi program sepenuh masa (peringkat Diploma) ialah 35 tahun dan (Peringkat Ijazah) 40 tahun.
6. Memenuhi syarat status Sosio Ekonomi Keluarga (Family Income) iaitu kurang RM150,000.00/tahun.

SYARAT-SYARAT KHUSUS

1. Lulus Peperiksaan SPM dengan Mendapat **5 Kredit** bagi subjek **Bahasa Melayu, Matematik & Sains** serta **2 Subjek lain dan lulus Bahasa Inggeris.**
2. Lulus STPM dengan mendapat 2 Prinsipal termasuk Kertas Pengajian Am.
3. Lulus Tahun Asas/Foundation/Sijil/Pra Diploma/ sijil dan Diploma yang setaraf dengannya dengan mendapat CGPA 2.50 dan ke atas.

KADAR TAJAAN

| Bil | Item tajaan | Peringkat Tajaan | |
|-----|---------------------|------------------|-----------------------|
| | | Diploma | Ijazah |
| 1 | Elaun Sarahidup | RM 535.50/bulan | RM 595/bulan |
| 2 | Elaun Buku | RM 400/tahun | RM 600/tahun |
| 3 | Elaun Perkakas | RM 150/tahun | RM 300/tahun |
| 4 | Elaun Kertas Projek | RM 150/tahun | RM 150/tahun |
| 5 | Tesis | - | RM 300/spjg pengajian |
| | Yuran Pengajian | RM 7,500/tahun | RM 8,500/tahun |

*tertakluk kepada pindaan

KAEDAH PERMOHONAN

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara 'online' di laman web <http://eduloan.mara.gov.my> dan **CETAKAN PERMOHONAN** serta **dokumen sokongan** (sila rujuk dalam borang permohonan MARA) hendaklah dihantar selewat-lewatnya 2 hari dari tarikh pendaftaran masuk ke TATIUC ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

LAIN-LAIN

1. Penangguhan/ pengaktifan Pinjaman - Sebarang Penangguhan dan pengaktifan semula pinjaman akibat penangguhan pengajian hendaklah dimaklumkan/dilaporkan ke Unit Pinjaman dengan mengisi borang berkaitan yang boleh diperolehi di Jabatan HEPA di TATIUC.

PINJAMAN YAYASAN TERENGGANU (YT)

SYARAT-SYARAT

1. Mendapat tawaran masuk ke TATI University College.
2. Rakyat Negeri Terengganu berasaskan kepada tempat kelahiran ayah atau ibu ataupun telah bermastautin di negeri ini melebihi 10 tahun dan mempunyai bukti untuk menetap terus di negeri ini. Bagi kes bermastautin, surat pengesahan bermastautin hendaklah diperolehi.
3. Tidak mendapat penajaan daripada penaja-penaja lain.
4. Tidak mendapat penajaan pada kadar penuh (maksimum) daripada mana-mana agensi penajaan utama.
5. Bagi mereka yang bekerja, pertimbangan akan diberi kepada mereka yang diluluskan separuh atau tanpa gaji oleh majikan.

KADAR TAJAAN

- Degree - RM 14,000.00/thn
- Diploma - RM 10,000.00/thn
- Foundation - RM 8,000.00/thn

KAEDAH PERMOHONAN

- Borang Permohonan Pinjaman boleh diperolehi di Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)

LAIN-LAIN

- Pemohon akan melalui sesi temuduga oleh pihak Yayasan Terengganu.
- Adalah menjadi tanggungjawab pelajar melaporkan keputusan peperiksaan kepada Yayasan Terengganu pada setiap semester dengan menghantar salinan keputusan peperiksaan yang telah disahkan ke Pejabat Yayasan Terengganu.

PINJAMAN PELAJARAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

SYARAT-SYARAT

Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat D.Y. M.M Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut :

- a) **PEMOHON** lahir di Negeri Selangor; atau
- b) **IBU** atau **BAPA** lahir di Negeri Selangor; atau
- c) Pemohon telah **BERMASTAUTIN** lebih dari lima (5) di Negeri Selangor dengan pengesahan daripada ADUN/Penghulu/Pengerusi JKKK/Ketua Kampung.
- d) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara sahaja.
- e) Pemohon yang **BELUM MENERIMA SEBARANG PENAJAAN** dari lain-lain penaja akan diberi keutamaan

KADAR TAJAAN

| | | |
|---------|---|-------------------|
| Ijazah | - | RM 6,500.00/tahun |
| Diploma | - | RM 4,900.00/tahun |
| Sijil | - | RM 4,000.00/tahun |

KAEDAH PERMOHONAN

Pemohon dikehendaki melayari laman web rasmi pinjaman Pelajaran <http://tkwbns.selangor.gov.my> .

Tempoh permohonan akan dimaklumkan oleh pihak TATIUC.

YAYASAN TENAGA NASIONAL

SYARAT-SYARAT

1. Diterima masuk ke TATI University College (TATIUC)
2. Anak Kakitangan TNB
3. Mematuhi syarat-syarat perlakuan & tanggungjawab yang telah ditetapkan
4. Mengadakan 2 orang penjamin
5. YTN tidak terikat untuk menawarkan apa-apa pekerjaan dengan TNB, Walaubagaimanapun YTN berhak mengikat berkhidmat dengan TNB
6. Syarat-syarat lain yang akan diputuskan oleh YTN dari semasa ke semasa

KADAR TAJAAN

- Yuran Pendaftaran Masuk
- Yuran Pengajian
- Bantuan Sarahidup RM400/sebulan
- Bantuan Buku RM500/tahun

KAEDAH PERMOHONAN

Borang Permohonan boleh didapati di :-

YAYASAN TENAGA NASIONAL
ARAS 2, BANGUNAN PUSAT PELAJAR, UNIVERSITI TENAGA NASIONAL
JALAN KAJANG-PUCHONG, 43009 KAJANG, SELANGOR D.E.

BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN

Yayasan Tunku Abdul Rahman mempelawa permohonan daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk ditawarkan BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN. Biasiswa ini diwujudkan untuk mengenang jasa Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Perdana Menteri Pertama dan Bapa Kemerdekaan Malaysia. Penerima akan dipilih daripada pelajar yang berjaya melalui proses pemilihan yang rapi.

SYARAT-SYARAT

1. Warganegara Malaysia.
2. Umur tidak melebihi 25 tahun pada tarikh tutup permohonan.
3. Pelajar STPM/Asas/Matrikulasi yang lulus minimum PNGK 3.75. Keputusan peperiksaan percubaan (*trial result*) boleh digunakan.
4. Pemohon juga dibuka kepada pelajar-pelajar yang sedang dalam pengajian ijazah pertama jika mencapai minimum PNGK 3.75.
5. Keupujian dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di peringkat SPM.
6. Memiliki kualiti kepimpinan yang terserlah dan penyertaan yang aktif dalam ko-kurikulum (terutama di peringkat luar sekolah).

**Calon yang berjaya hanya ditentukan selepas menerima keputusan sebenar peperiksaan. Pemberian biasiswa tertakhluk kepada pemohon diterima masuk Institusi Pengajian Tinggi tempatan Negara.*

SYARAT TAMBAHAN

1. Penerima BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN diperlukan berkhidmat untuk Negara sekurang-kurangnya lima(5) tahun selepas tamat pengajian yang ditaja.
2. tarikh permohonan akan dimaklumkan oleh unit pinjaman dari masa ke semasa.

KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan hanya boleh dibuat secara online di laman web : <http://www.yayasantar.org.my/BPTAR> pada masa dan tarikh yang akan dimaklumkan oleh pihak HEPA dari masa ke semasa.

PINJAMAN PENDIDIKAN YAYASAN BANK RAKYAT

SYARAT DAN KELAYAKAN

1. Melanjutkan pengajian ke TATI University College (TATIUC) secara sepenuh masa.
2. Umur tidak kurang dari 18 tahun semasa membuat permohonan PPBU dan tidak melebihi 30 tahun semasa tamat pengajian.
3. Pelajar tahun pertama pengajian
4. Dua orang penjamin
5. Tidak mendapat sebarang bantuan kewangan/biasiswa daripada mana-mana penaja lain.

Syarat dan kelayakan akademik.

a. Peringkat Ijazah Sarjana Muda

- i. Sekurang-kurangnya berkelulusan; Diploma dengan CGPA 2.5 ke atas **atau**
- ii. Matrikulasi dengan CGPA 2.5 ke atas **atau**
- iii. Sijil Tinggi Pelajaran (STPM) dengan sekurang-kurangnya 2B dan 2C atau Sijil Tinggi Agama (STAM) dengan kelulusan yang setara dengan STPM

b. Peringkat Diploma

- i. Sekurang-kurangnya berkelulusan; Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya mendapat 2A, 2B dan 2C.

KAEDAH PERMOHONAN

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dengan menghubungi Yayasan Bank Rakyat di talian 03-40272420/422/424 atau melayari laman web bank rakyat di **www.yayasanbankrakyat.com.my**

❖ SELAMAT MAJU JAYA

❖ TERIMA KASIH KERANA MEMBERI PERHATIAN !!